



KPM.600/1/4/26 Jld. 9 (13)  
12 September 2018

**Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Dato'/ Datuk/Tuan/Puan,

**PERLANJUTAN TARIKH TUTUP PENYERTAAN DAN DURASI PERTANDINGAN ACTIV  
JAM SENAM AEROBIK KPM-MILO TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan KPM.600/1/4/26 Jld. 8 (84) bertarikh 2 Ogos 2018 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Penyelaras Pertandingan Activ Jam Senam Aerobik KPM-Milo Bilangan 2/2018 telah bersetuju berhubung perubahan perkara seperti berikut:

- i. Tarikh tutup penyertaan dilanjutkan daripada 16 September kepada **30 September 2018**.
- ii. Durasi persembahan adalah sama pada peringkat awal dan peringkat akhir iaitu: **1 minit 20 saat**.

3. Sehubungan dengan itu, semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) adalah dimohon untuk memaklumkan kepada semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk disebarkan kepada semua sekolah di negeri masing-masing. Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Dato'/ Datuk/Tuan/Puan boleh menghubungi **En. Wajdy b. Ahmad Ghazi ditalian 03-88841008 / 017-7848756 atau emel [wajdy@moe.gov.my](mailto:wajdy@moe.gov.my)**.

4. Kerjasama dan sokongan YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(ZAINAL BIN ABAS)**  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Sukan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

WAG/wag

- s.k.
1. Ketua Unit Sukan, JPN
  2. Pengurus Pasukan Bahagian Sukan – MILO Syarikat Nestle Products Sdn. Bhd.





**Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**PERTANDINGAN *ACTIV JAM* SENAM AEROBIK KPM – MILO TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sukan dengan kerjasama Syarikat Nestle Products Sdn. Bhd. akan menganjurkan Pertandingan *Activ Jam* Senam Aerobik KPM-Milo Tahun 2018.

3. Sehubungan itu, semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) adalah dijemput untuk menyertai pertandingan ini bagi kategori muhibbah manakala semua sekolah rendah bagi kategori berasaskan sekolah (*school based*).

4. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, bagi kategori muhibbah, 16 JPN akan dijemput ke pertandingan akhir manakala kategori berasaskan sekolah (*school based*), 10 sekolah yang terbaik sahaja akan ke pertandingan akhir. Tarikh, tempat dan masa pertandingan akhir akan dimaklumkan kemudian. Segala perbelanjaan pengangkutan, sajian dan penginapan bagi murid dan guru pengiring untuk kedua-dua kategori tersebut ke pertandingan akhir akan ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat Nestle Products Sdn. Bhd.

5. Bersama-sama ini dilampirkan surat kelulusan pertandingan bil. KPM.600-10/22/6 Jld.71(81) bertarikh 25 Jun 2018 serta borang pendaftaran dan peraturan pertandingan. Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan boleh menghubungi En. Wajdy b. Ahmad Ghazi ditalian 03-88841356 / 017-7848756 atau emel [wajdy@moe.gov.my](mailto:wajdy@moe.gov.my).

Kerjasama dan sokongan YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

(DR. MEHANDER SINGH A/L NAHAR SINGH)

Pengarah  
Bahagian Sukan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

//nfab

- s.k. :
1. Ketua Unit Sukan, JPN
  2. Pengurus Pemasaran Bahagian Sukan – Milo Syarikat Nestle Products Sdn. Bhd.

## BORANG PENDAFTARAN RASMI

### PERTANDINGAN ACTIV JAM SENAM AEROBIK KPM-MILO 2018

Untuk dilengkapkan oleh setiap sekolah yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini

1. Tarikh akhir penyerahan borang pendaftaran – **30 SEPTEMBER 2018**
2. Borang yang lengkap mesti dihantar ke;
  - Perhatian – JAWATANKUASA PERTANDINGAN ACTIV JAM SENAM AEROBIK KPM-MILO 2018
  - EMEL – [ActivJam.KPMMILO@gmail.com](mailto:ActivJam.KPMMILO@gmail.com)
  - Pautan / URL Youtube mesti disenaraikan dalam e-mel

Nama Sekolah		Pengurus Pasukan		
		Tel :		
		Emel :		
No	Nama Murid	Jantina L / P	Tarikh Kelahiran (dd/mm/yy)	Umur
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
11				
12				
<b>CONTOH</b>				
	MOHD AZMI BIN SALEH	L	10/02/2006	11

#### PENGAKUAN DIRI

- Kami akan mematuhi segala peraturan, undang-undang dan syarat yang ditetapkan dalam pertandingan ini.
- Kami bersetuju membenarkan sebarang pindaan atau perubahan dibuat dari semasa ke semasa sebelum atau semasa pertandingan dijalankan oleh Jawatankuasa Pertandingan.
- Kami mengakui semua butiran yang diberikan adalah benar dan jika penipuan dilakukan, kami bersedia permohonan kami ditolak.
- Kami tidak akan menuntut atau mendakwa Jawatankuasa Pertandingan jika berlaku sebarang musibah ke atas diri kami (seperti nama yang diberikan) sebelum, semasa atau selepas pertandingan diadakan.



**TANDATANGAN GURUBESAR / PENGETUA SEKOLAH DENGAN COP RASMI SEKOLAH**

	Nama Gurubesar / Pengetua Sekolah
	: _____
	Jawatan : _____
	Tarikh : _____

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**

	Nama Pegawai
	: _____
	Tarikh : _____





## BORANG PENDAFTARAN INDIVIDU

Nama Sekolah	Pengurus Pasukan	
	Tel :	
	Emel :	

PERHATIAN: SILA GUNAKAN HURUF BESAR PADA SEMUA RUANGAN/ TANDA X DI RUANG YANG BERKENAAN

NAMA PENUH	
------------	--

NO. KP MyKID / SURAT BERANAK	
---------------------------------	--

AGAMA	<input type="checkbox"/> ISLAM <input type="checkbox"/> BUDDHA <input type="checkbox"/> HINDU <input type="checkbox"/> KRISTIAN <input type="checkbox"/> YANG LAIN : _____
-------	--

BANGSA	<input type="checkbox"/> MELAYU <input type="checkbox"/> CINA <input type="checkbox"/> INDIA <input type="checkbox"/> YANG LAIN : _____
--------	---

ALAMAT KEDIAMAN			
		BANDAR	
POSKOD		NEGERI	

SEBARANG MASALAH KESIHATAN	
----------------------------------	--

NAMA IBU / BAPA / PENJAGA SAH	
----------------------------------	--

NO. KP MyKAD	
--------------	--

TEL. BIMBIT		TEL. RUMAH	
-------------	--	------------	--

NO. TELEFON IBU BAPA UNTUK DIHUBUNGI KETIKA KECEMASAN	
---	--

Diakui penama diatas adalah merupakan murid yang berdaftar disekolah ini dan telah mendapat kebenaran bertulis ibubapa/penjaga untuk menyertai pertandingan ini melalui Borang Kebenaran Ibumama/Penjaga mengikut Surat Perkeliling Ikhtias Bil.5/2007 : Garis Panduan Lawatan Murid (Lampiran B Garis Panduan Lawatan Murid perkara 1d)

Tandatangan Guru Besar/Pengetua Sekolah

.....





Nama Penuh:

Tarikh:

## PERATURAN PERTANDINGAN

### 1. JUMLAH PESERTA

- a. Untuk kategori terbuka - terdiri daripada 10 peserta yang membuat persembahan di atas pentas dan 2 peserta simpanan.
- b. Untuk kategori muhibah - terdiri daripada 10 peserta yang membuat persembahan di atas pentas dan 2 peserta simpanan. Ahli kumpulan terdiri daripada 3 etnik/kaum.

### 2. PERTUKARAN NAMA

- a. Mana-mana peserta / pasukan tidak dibenarkan menukarkan nama yang telah didaftar di borang pendaftaran kecuali pada waktu kecemasan di mana peserta demam, sakit tenat atau di timpa kemalangan.
- b. Sekiranya perkara ini berlaku, maka peserta / pasukan tersebut dikehendaki menghubungi jawatan kuasa pengelola dalam masa 24 jam secara lisan berserta dengan laporan perubatan / polis di mana hanya jawatan kuasa akan menentukan samada pertukaran tersebut dapat diterima atau pun tidak.

### 3. HAKIM

Hakim-hakim yang berkelayakan dan berpengalaman akan dilantik oleh jawatankuasa pengelola untuk mengadili pertandingan ini. Panel hakim terdiri daripada :

- a. *Chair Judge*
- b. *Artistic Judge*
- c. *Execution Judge*
- d. *Difficulty Elements Judge*
- e. *Line Judge*
- f. *Time Keeper*



#### 4. SUSUNAN PERTANDINGAN

a. Cabutan Undi

Undian / cabutan untuk menentukan giliran akan dibuat semasa mesyuarat pengurus pasukan dan cabutan undi untuk giliran peserta / pasukan untuk memasuki pusingan akhir akan dibuat selepas keputusan pusingan kelayakan.

b, Menarik diri

Sekiranya pengurus pasukan atau wakil tidak menghadiri mesyuarat pengurus pasukan, pihak jawatankuasa pengelola menganggap yang mereka telah faham dan mematuhi semua peraturan serta perubahan ( jika ada ) dan keputusan yang di capai dan dipersetujui semasa taklimat tersebut. Sekiranya pasukan yang bertanding gagal berada di kawasan gelanggang pertandingan selepas 30 saat diumumkan, pasukan tersebut adalah dianggap menarik diri dan penyertaannya dibatalkan untuk ke pertandingan tersebut.

#### 5. KAWASAN PERSEMBAHAN

Pembatasan

Peserta, jurulatih dan pengurus pasukan tidak dibenarkan memasuki kawasan menunggu dan kawasan pengadil kecuali dengan kebenaran daripada Jawatankuasa Pengelola. Peserta dan jurulatih dikehendaki menunggu giliran sebagaimana yang ditetapkan dan menunggu isyarat daripada Pengurus Pentas untuk memulakan persembahan. Ketua Hakim berhak membatalkan penyertaan peserta sekiranya didapati tidak mematuhi peraturan ini.

#### 6. KOD PAKAIAN

a. Berpakaian kemas dan seragam serta menunjukkan kesukanan.

b. Rambut yang panjang mesti diikat sebagai sanggul dan kemas. Rambut tidak boleh menutup dahi dan hendaklah digel.

c. Tali kasut hendaklah diikat sempurna.

d. Barang kemas dan jam tangan tidak dibenarkan dan mestilah ditanggalkan sebelum persembahan.

e. Pakaian yang melambangkan keganasan, keagamaan dan kekejaman tidak dibenarkan sama sekali.

f. Peserta dikehendaki memakai pakaian yang bersesuaian dengan kebudayaan negara dan bertanggungjawab menyediakan pakaian sukan sendiri.

g. Pakaian yang menjolok mata tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, tights panjang dan t-shirt boleh digunakan.

h. Kasut aerobik yang bersih diwajibkan untuk semua kategori.





## 7. MUZIK

- a. Rakaman sekurang-kurangnya 2 gabungan lagu boleh digunakan. Rakaman lagu wajib menyelitkan potongan lagu tema *Activ Jam (64 beats)* yang boleh didapati di **www.MILO.com.my**
- b. Mana-mana *genre* muzik *beat* 140-155 bpm.
- c. Pasukan perlu mengemukakan dua rakaman dalam format MP3 yang disalinkan dalam *pendrive* dan cakera padat dan berlabel nama pasukan.
- d. *Pendrive* dan cakera padat ini hendaklah dikemukakan kepada jawatankuasa teknikal sebelum persembahan.
- e. Kelengkapan perakam cakera padat hanya akan disediakan oleh jawatankuasa pengelola semasa pertandingan sahaja. Perakam persendirian tidak dibenarkan semasa pertandingan. Walau bagaimana pun, setiap pasukan digalakkan membawa *pendrive* / cakera padat sendiri untuk tujuan latihan.
- f. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap mutu dan kualiti bunyi pada setiap pita / cakera padat. Oleh itu, setiap peserta / pasukan hendaklah memastikan mutu rakaman pita / cakera padat tersebut berada dalam keadaan baik dan bermutu tinggi.

## 8. JANGKAMASA / TEMPOH PERSEMBAHAN

- a. Jangkamasa / tempoh persembahan 2 minit +/- 5 saat.
- b. Masa hanya akan dikira apabila muzik dimainkan dan bukannya pada permulaan pergerakan melainkan kedua-duanya bermula serentak.

## 9. KELEWATAN

- a. Sekiranya berlaku kelewatan disebabkan oleh bencana alam atau perkara-perkara luar jangkaan seperti kerosakan kenderaan pengangkutan dan sebagainya, peserta / pasukan yang terlibat hendaklah menghubungi urusetia kejohanan dengan segera dan keputusan mengenai giliran persembahan akan diputuskan oleh jawatan kuasa teknikal.
- b. Keputusan undian giliran setiap pasukan tidak boleh ditukar.
- c. Pengurus dan peserta dikehendaki melapor diri kepada jawatan kuasa 1 jam sebelum pertandingan bermula.
- d. Semua persembahan akan dijalankan mengikut giliran dan masa yang telah ditetapkan.







## 10. BANTAHAN

Sebarang bantahan dan rayuan mengenai keputusan pertandingan boleh diajukan kepada jawatan kuasa bantahan dalam masa 24 jam secara lisan beserta dengan surat bantahan.

## 11. MAKLUMAT AM

- a. Pihak jawatan kuasa pengelola tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh didakwa atas sebarang kecederaan atau kemalangan sebelum, semasa dan selepas kejohanan.
- b. Sekiranya berlaku kecederaan di kalangan peserta semasa persembahan diadakan, persembahan tersebut hendaklah diteruskan dengan mengekalkan peserta yang sedia ada di dalam gelanggang.
- c. Peserta simpanan tidak dibenarkan masuk untuk menggantikan peserta yang cedera. Persembahan boleh dimulakan semula atau diteruskan dari masa diberhentikan.





## KRITERIA PEMARKAHAN

### 1. ARTISTIK

#### a. Komposisi (Kompleks dan Keaslian):

- Muzik - Kepelbagaian irama bukan satu rentak sahaja dan penggunaan *sound effect*. Muzik yang sesuai dengan pergerakan aerobic.
- Pergerakan - Pergerakan mestilah mengikut *beat*.
- Kandungan Am (*General Content*)
- Ruang/Formasi

#### b. Persembahan:

- Kesenian - Koreografi yang menunjukkan keunikan keseluruhan dan kombinasi yang original dari penampilan muzik koreografi, peralihan (*transition*), dan kerjasama (*partnership*).

### 2. KESEMPURNAAN PELAKSANAAN (*execution*)

#### a. Kemahiran Teknikal

- Berupaya mempersembahkan keseluruhan rutin dengan pergerakan yang menunjukkan kekuatan, kuasa dan fleksibiliti dengan pelaksanaan yang sempurna.
- Ketepatan pergerakan.
- Melakukan pergerakan dengan postur yang betul dalam keseluruhan rutin koreografi.
- Mengawal seluruh pergerakan tanpa gangguan keseimbangan pada pendaratan dan lompatan.

#### b. Keseragaman

- Melakukan pergerakan yang sama dan serentak.
- Susunan yang tepat dalam formasi.

### 3. UNSUR KESUKARAN (*difficulty elements*)

Peserta boleh membuat pilihan pergerakan dalam elemen kumpulan berikut:

#### a. Kumpulan A - Kekuatan Dinamik (*Dynamic Strength*)

- *Push Up*
- *One Leg Push Up*
- *Straddle Laterral Push Up*
- *Hinge Push Up*

#### b. Kumpulan B - Kekuatan Statik (*Static Strength*)

- 3.2.1 *Straddle Support*
- 3.2.2 *L- Support*

#### c. Kumpulan C - Lompatan (*Jumps and Leaps*)

- 3.3.1 *Air Turn*

#### d. Kumpulan D - Keseimbangan dan fleksibiliti

- *Vertical Split*
- *Split Throuh (Pancake)*
  - *Four Consecutive Sagital High Leg Kicks Vertical*



## PERATURAN AM PERTANDINGAN ACTIV JAM SENAM AEROBIK KPM-MILO 2018

---

### 1. NAMA PERTANDINGAN

Pertandingan ACTIV JAM Senam Aerobik KPM-MILO 2018

Pertandingan ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu;

#### a. Kategori Terbuka Berasaskan Sekolah

- Penyertaan – 1 Ogos hingga 30 September 2018

- Peringkat Akhir – Oktober 2018

#### b. Kategori Muhibah Jabatan Pendidikan Malaysia

- Peringkat Akhir – Oktober 2018

### 2. HADIAH

#### a. Hadiah untuk pemenang Kategori Terbuka

i. Tempat Pertama : RM 5,000.00 (nilai peralatan sukan)

ii. Tempat Kedua : RM 4,000.00 (nilai peralatan sukan)

iii. Tempat Ketiga : RM 3,000.00 (nilai peralatan sukan)

iv. Tempat Ke-4 hingga ke-10 : RM 500.00 (nilai peralatan sukan)

- b. Hadiah untuk pemenang Kategori Muhibah
  - i. Tempat Pertama : RM 5,000.00 (nilai peralatan sukan)
  - ii. Tempat Kedua : RM 4,000.00 (nilai peralatan sukan)
  - iii. Tempat Ketiga : RM 3,000.00 (nilai peralatan sukan)

### 3. PENGANJUR

- a. Peringkat Kebangsaan - Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama Nestlé Products Sdn Bhd.

### 4. PENGELOLA

- a. Nestlé Products Sdn Bhd.

### 5. PERATURAN TAMBAHAN

- a. Pertandingan akan dijalankan mengikut Peraturan AM yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- b. Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Pengelola adalah berhak untuk meminda / mengadakan peraturan-peraturan tambahan.

### 6. PENYERAHAN VIDEO

- a. Video Senamrobik boleh dimuat-naik bermula 00:00:01 A.M. pada 1 Ogos 2018 sehingga 11:59:59 P.M. pada 30 September 2018.
- b. Video Senamrobik harus dimuat-naik menerusi Youtube dan URL video tersebut haruslah dihantar melalui emel berikut: [ActivJam.KPMMILO@gmail.com](mailto:ActivJam.KPMMILO@gmail.com) bersama borang penyertaan yang di lengkapkan.





c. Cara memuat-naik video:

***Jika anda tidak mempunyai akaun Youtube;***

Langkah 1 : Layari [www.youtube.com](http://www.youtube.com).

Langkah 2 : Daftar Youtube menggunakan Gmail anda.

Langkah 3 : Log masuk Youtube menggunakan akaun Gmail anda.

***Jika anda mempunyai akaun Youtube;***

Langkah 1 : Layari [www.youtube.com](http://www.youtube.com).

Langkah 2 : Log masuk akaun Youtube.

Langkah 3 : Klik "Upload" di bahagian atas halaman.

Langkah 4 : Sebelum memuat-naik video, anda harus pastikan bahawa video tersebut adalah "public" melalui tetapan privasi.

Langkah 5 : Pilih video yang anda ingin muat naik dari komputer anda. Anda juga boleh mengimport video dari akaun Google Photos anda.

Langkah 6 : Sementara menunggu video dimuat-naik, anda dikehendaki mengedit butiran video tersebut iaitu nama video dan penerangan video. Nama video peserta mesti mengikuti susunan tersebut ;

**(MILOKPMAKTIFJAM\_NamaSekolah\_NamaPasukan\_TarikhMuatNaikVideo).**

Langkah 7 : Klik "Publish" untuk menyelesaikan memuat naik video awam ke YouTube.

Langkah 8 : Klik "Video Manager" untuk dapatkan URL video anda.





Langkah 9 : Layari laman web Milo ([www.milo.com.my](http://www.milo.com.my)) dan klik pada “Activ Jam Senam Aerobik 2018” untuk mendaftar sebagai peserta dengan e-borang yang boleh dimuat turun dari sini.

Langkah 10 : Isi borang dengan butir-butir pendaftaran

Langkah 11 : “Lampiran A” iaitu borang pendaftaran rasmi sekolah & borang persetujuan ibu bapa perlu dilengkapkan dengan tandatangan dan cop rasmi sekolah. Borang yang dilengkapkan haruslah diimbas dari pencetak dan diemelkan bersama video URL anda ke emel tersebut - [ActivJam.KPMMILO@gmail.com](mailto:ActivJam.KPMMILO@gmail.com)

Langkah 12 : Sila merujuk kepada Lampiran B untuk peraturan pertandingan.

Langkah 13 : Sila merujuk kepada Lampiran C untuk kriteria pemarkahan.

Langkah 14 : Semak e-borang pendaftaran dan klik “hantar”. E-mail pengesahan akan dihantar ke e-mail anda.

- d. Keperluan Penyerahan Video
- i. Video penyertaan dan borang penyertaan boleh dihantar SEKALI sahaja.
  - ii. Video ini perlu diambil dari tempat yang lebih tinggi supaya semua peserta dapat dilihat dengan jelas di dalam rakaman video.
  - iii. Kamera video mesti diletakkan di satu tempat tetap dan tidak boleh digerakkan sepanjang tarian.
  - iv. Video ini mesti dirakam bersama muzik yang boleh dimuat turun dari laman web [www.milo.com.my](http://www.milo.com.my). Durasi video ialah 2 minit (+ / - 5 saat)

## 7. JENIS SUKAN

Jenis sukan yang dipertandingkan adalah Senam Aerobik.

## 8. KELAYAKAN

### Kategori Terbuka

- a. Penyertaan peserta berasaskan sekolah (*school based*).
- b. Murid warganegara Malaysia yang bersekolah sepenuh masa di sekolah kerajaan.
- c. Penyertaan dibenarkan hanya murid dari satu pasukan sekolah sahaja dan terdiri daripada 10 peserta diatas pentas dan 2 peserta simpanan.



### Kategori Muhibah

- a. Penyertaan peserta berasaskan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) (JPN based).
- b. Murid warganegara Malaysia yang bersekolah sepenuh masa di sekolah kerajaan.
- c. Penyertaan terbuka kepada murid - murid dari sekolah berlainan dan terdiri daripada 10 peserta diatas pentas dan 2 peserta simpanan.
- d. Setiap pasukan mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 etnik kaum.

## **9. HAD UMUR PESERTA**

- a. Penyertaan peserta bagi Pertandingan ini boleh terdiri daripada murid Tahun 1 hingga Tahun 6 sahaja.

## **10. PENDAFTARAN & NOTIS PRIVASI (LAMPIRAN A)**

### Kategori Terbuka

- a. Setiap sekolah digalakkan menyertai kejohanan ini.
- b. Pendaftaran peserta hendaklah menggunakan Borang Pendaftaran Pasukan beserta dokumen:
  - i. Salinan sijil kelahiran / mykid yang telah disahkan oleh Guru Besar.







- c. Setiap sekolah hanya dibenarkan menghantar bilangan pegawai pasukan dan peserta sebagaimana yang telah ditetapkan seperti berikut:

SUKAN	PEGAWAI		PESERTA	JUMLAH KESELURUHAN
	PENGURUS	JURULATIH		
SENAM AEROBIK			LELAKI, PEREMPUAN ATAU CAMPURAN	
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>12</b>	<b>15</b>

- d. Pengesahan penyertaan pasukan beserta bilangan pegawai dan peserta hendaklah dibuat sebelum 30 September 2018.
- e. Semua Borang Pendaftaran Pasukan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Guru Besar Sekolah berkenaan dengan cop rasmi sekolah dan disahkan oleh Unit Sukan JPN.
- f. Sekolah yang dipilih pada peringkat separuh akhir akan bertanding di peringkat akhir di Kuala Lumpur.

#### Kategori Muhibah

- a. Setiap JPN hendaklah menyertai kejohanan ini.
- b. Pendaftaran peserta hendaklah menggunakan Borang Pendaftaran Pasukan beserta dokumen;
- i. Salinan sijil kelahiran / mykid yang telah disahkan oleh Guru Besar



- c. Setiap pasukan hanya dibenarkan menghantar bilangan pegawai pasukan dan peserta sebagaimana yang telah ditetapkan seperti berikut:

SUKAN	PEGAWAI		PESERTA	JUMLAH KESELURUHAN
SENAM AEROBIK	PENGURUS	JURULATIH	LELAKI, PEREMPUAN ATAU CAMPURAN	
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>12</b>	<b>15</b>

- d. Pengesahan penyertaan pasukan beserta bilangan pegawai dan peserta hendaklah dibuat sebelum 30 September 2018.
- e. Semua Borang Pendaftaran Pasukan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Guru Besar Sekolah berkenaan dengan cop rasmi sekolah dan disahkan oleh Unit Sukan JPN.

## 11. PENENTUAN JOHAN

- a. Pasukan-pasukan yang menang pada peringkat separuh akhir layak ke peringkat akhir bagi menentukan Johan, Naib Johan, dan tempat ketiga.

## 12. PERATURAN TEKNIKAL

Ini adalah peraturan teknikal yang akan diguna pakai pada Peringkat Akhir. Pada Peringkat Separuh Akhir, pengelola pertandingan boleh melaksanakan pertandingan mengikut format yang dilaksanakan di peringkat akhir atau melaksanakannya mengikut kemampuan dan kesesuaian pihak pengelola.



- a. Spesifikasi Ruang Senam Aerobik - 12m X 12m
- b. Masa Persembahan Peringkat Separuh Akhir - 2 minit (+/- 5 saat)
- c. Masa Persembahan Peringkat Akhir - 2 minit (+/- 5 saat)





### 13. PENGADIL / HAKIM

Jawatankuasa Pengelola akan melantik dan menyediakan pengadil / hakim bertugas untuk kejohanan ini.

### 14. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- a. Pasukan yang telah mengesahkan persetujuan mengambil bahagian dalam kejohanan ini tidak dibenarkan menarik diri. Surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada pasukan tersebut sekiranya melanggar peraturan ini.
- b. Sekiranya ada pasukan menarik diri atau menyerah kalah daripada pertandingan, semua keputusan pertandingan pasukan itu akan dibatalkan. Pasukan tersebut tidak dibenarkan menyertai perlawanan seterusnya dan tindakan tatatertib akan diambil ke atas pasukan yang berkenaan.

### 15. BANTAHAN

- a. Segala bantahan hendaklah dibuat secara bertulis.
- b. Segala masalah berkaitan dengan kelayakan seseorang peserta hendaklah diselesaikan sebelum pertandingan atau semasa mesyuarat pengurus pasukan.
- c. Jika tidak dapat diselesaikan sebelum pertandingan bermula, maka JPN tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (*under protest*) dan perkara tersebut hendaklah diselesaikan 1 jam selepas menerima bantahan rasmi.
- d. Sebarang bantahan hendaklah dikemukakan dengan serta merta dan tidak lewat daripada tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan.
- e. Semua bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan RM200.00 (Ringgit: Dua Ratus sahaja). Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan tidak diterima.
- f. Keputusan Juri Rayuan akan dibuat secara bertulis serta dimaklumkan kepada yang berkenaan. Keputusan juri adalah muktamad.







## 16. JURI RAYUAN

Jawatankuasa Pengelola hendaklah menubuhkan Juri Rayuan mengikut keperluan seperti berikut:

- Pengerusi :Pengerusi Jawatankuasa Pengelola / Nestlé Products Sdn. Bhd / wakil
- Setiausaha :Setiausaha Jawatankuasa Pengelola / Nestlé Products Sdn. Bhd / wakil
- Ahli :Wakil Bahagian Sukan (BS) KPM  
Pengerusi Jawatankuasa Teknik Pertandingan / PTPS

## 17. PINDAAN DAN HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- a. Semua peraturan yang dinyatakan di atas mesti dipatuhi. Jika ada dinyatakan perkara-perkara lain dalam undang-undang permainan tersebut hendaklah juga dipatuhi.
- b. Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am ini dan Peraturan Pertandingan (Lampiran B) berkenaan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola kejohanan yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.

